PANDUAN
PENCEGAHAN PENULARAN COVID-19
PASCA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN
BAGI KESELAMATAN WARGA
TAMAN ASUHAN KANAK-KANAK (TASKA)

LATAR BELAKANG

1. Perutusan Khas YAB Perdana Menteri sempena Hari Pekerja 2020 pada 1 Mei 2020 telah membenarkan TASKA beroperasi mulai 4 Mei 2020.
2. Susulan daripada itu, KPWKM melalui JKM telah membangunkan Panduan Pencegahan Penularan Covid-19 Pasca PKP Bagi Keselamatan Warga TASKA dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia.
3. Panduan ini telah diluluskan oleh MKN dan telah dimuatnaik dalam Portal Rasmi MKN pada 2 Mei 2020.
4. Panduan ini juga telah mendapat kelulusan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di dalam Peraturan 11 bertarikh 6 Mei 2020.
5. Pada 22 Mei 2020, penambahbaikan terhadap Panduan ini telah dibuat atas saranan KKM melalui surat no. rujukan KKM 600-29/4/10 JLD5 (78) bertarikh 14 Mei 2020 dengan menambahkan Lampiran 12 dan Lampiran 13.
6. Pada 1 Jun 2020, SOP ini sekali lagi ditambahbaik sebagaimana saranan KKM melalui surat no. rujukan KKM 600-29/4/10 JLD5 (79) bertarikh 28 Mei 2020 dengan menyusun semula Panduan ini secara keseluruhan.

OBJEKTIF

Panduan keselamatan Covid-19 pasca Perintah Kawalan Pergerakan adalah sebagai punca rujukan yang perlu dipatuhi oleh TASKA yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan TASKA yang dikendalikan oleh agensi kerajaan Persekutuan dan Negeri termasuk Kementerian Perpaduan Negara (Perpaduan), Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Bahagian GENIUS, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu (YPKT) dalam mengambil langkah berjaga-jaga bagi membendung penyebaran penyakit Covid-19 apabila TASKA dibenarkan beroperasi semula seperti yang diperintahkan oleh pihak berkuasa.

INTIPATI PANDUAN

1. PENGENALAN
2. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PENGUSAHA, PENGASUH DAN IBU BAPA
3. PERKARA YANG PERLU DIBERI PERHATIAN DAN DIAMBIL TINDAKAN SEBELUM MEMULAKAN OPERASI
4. PERATURAN SEMASA MENGHANTAR KANAK-KANAK DI TASKA
5. PERATURAN SEMASA KANAK-KANAK DI TASKA
6. PERATURAN SEMASA MENJEMPUT KANAK-KANAK DI TASKA
7. AMALAN PENCEGAHAN JANGKITAN

PERINCIAN KANDUNGAN

1.0 PENGENALAN

- Apakah Coronavirus?
- Apakah gejala-gejala radang paru-paru (pneumonia) COVID-19?
- Bolehkah virus ini tersebar dari manusia ke manusia?
- Siapakah yang berisiko untuk dijangkiti virus ini?

PERINCIAN KANDUNGAN

2.0 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PENGUSAHA, PENGASUH DAN IBU BAPA

2.1 Peranan dan Tanggungjawab Pengusaha TASKA

- **Sebelum TASKA Beroperasi**
  - Latihan kepada warga TASKA
  - Menyediakan Bekalan Kebersihan Diri
  - Menyediakan saringan kesihatan (borang akuan pengisytiharan kesihatan) untuk semua kakitangan TASKA, kanak-kanak dan ahli keluarga terdekat/penjaga kanak-kanak
  - Menyediakan bilik isolasi
- **Semasa TASKA beroperasi**
  - Memastikan pengasuh dan kanak-kanak menjalani saringan (mengisi borang akuan pengisytiharan kesihatan) dan pemeriksaan suhu badan
  - Penjarakan sosial dilaksanakan
  - Mengendalikan kes bergejala

2.2 Peranan dan Tanggungjawab Pengasuh TASKA

- Mengisi borang akuan pengisytiharan kesihatan
- Membuat pemeriksaan suhu badan kanak-kanak setiap hari sebelum memasuki TASKA
- Mengamalkan kebersihan diri dan kanak-kanak
- Sanitasi peralatan dan TASKA selepas digunakan atau pengoperasian
- Mengamalkan penjarakan sosial

2.3 Peranan dan Tanggungjawab Ibu bapa Kanak-kanak

- Mengisi borang akuan pengisytiharan kesihatan
- Bekerjasama dengan TASKA dalam mengamalkan norma baharu

PERINCIAN KANDUNGAN

3.0 PERKARA YANG PERLU DIBERI PERHATIAN DAN DIAMBIL TINDAKAN SEBELUM MEMULAKAN OPERASI

- Langkah pembersihan dan nyahkuman (dalam & luar TASKA)
- Memaklumkan kepada Pejabat Kesihatan Daerah berdekatan
- Pastikan TASKA dalam keadaan selamat dan bersih
- Pastikan kakitangan TASKA sihat dan bersedia untuk bertugas
- Borang akuan pengisytiharan kesihatan diisi oleh semua warga TASKA, kanak-kanak dan ahli keluarga terdekat
- Mengehadkan bilangan anak jagaan di TASKA bagi memastikan ruang tidak terlalu sempit bagi mengelakkan perhimpunan terjadi
- Kehadiran setiap kanak-kanak dan kakitangan dicatit
- Anak-anak *frontliners* diberi perhatian dan penjagaan khusus bagi memelihara kesejahteraan
- Pemeriksaan simptom dilakukan setiap hari sebelum memasuki TASKA
- Pelawat adalah tidak dibenarkan semasa pengoperasian TASKA sehingga keadaan pulih sepenuhnya
- Panduan penggunaan pelitup muka, hand sanitizer dan langkah amalan kebersihan diri ditampal di sekeliling TASKA
- Latihan dibuat kepada semua kakitangan TASKA merangkumi pelaksanaan aktiviti dengan anak-anak
- Pelan komunikasi diwujudkan antara pihak TASKA bersama ibu bapa bagi menyampaikan tindakan yang akan dilakukan oleh TASKA

PERINCIAN KANDUNGAN

4.0 PERATURAN SEMASA MENGHANTAR KANAK-KANAK DI TASKA

- **Sebelum menghantar anak ke TASKA**
  - Ibu bapa digalakkan mengambil bacaan suhu anak- jika bacaan suhu 37.5 dan ke atas, rehatkan anak di rumah atau bawa anak ke klinik.
  - Basuh tangan anak sebelum masuk kenderaan
  - Bersihkan permukaan kereta yang kerap disentuh

- **Semasa Ketibaan di TASKA**
  - Aturkan jadual ketibaan anak ke TASKA
  - Laksanakan konsep ***drive thru*** **–** ibu bapa kekal dalam kereta dan anak disambut oleh pengasuh
  - Kanak-kanak diambil bacaan suhu sebelum masuk ke premis TASKA

5.0 PERATURAN SEMASA KANAK-KANAK DI TASKA

5.1 Persekitaran ruang TASKA/ bilik/ ruang aktiviti

- Pastikan ruang atau bilik adalah selamat dan bersih
- Aturkan pembelajaran/aktiviti dengan penjarakan sosial sekurang-kurangnya 1-meter
- Bersihkan dan sanitasikan bilik serta semua peralatan selepas penggunaan setiap sesi penggunaan

5.2 Pembelajaran/ aktiviti

- Batalkan aktiviti berkumpulan, atur lebih banyak aktiviti individu dan aktiviti yang tanpa melibatkan sentuhan
- Lebihkan aktiviti kurang formal spt membaca buku cerita
- disinfeksi semua permukaan dan objek selepas penggunaan dan sebelum giliran kumpulan seterusnya
- Meningkatkan kekerapan membasuh tangan
- Aktiviti sosial dalam penjarakan yang selamat

PERINCIAN KANDUNGAN

5.3 Waktu makan/ menyusu

- Kanak-kanak dan kakitangan makan dalam bilik/ruang masing-masing
- Penjarakan 1-meter perlu diamalkan
- Tidak berkongsi makanan atau perkakas
- Tukang masak wajib memakai pelitup muka
- Makanan disediakan secara individu
- Kanak-kanak diberi makanan berkhasiat, termasuk buah dan sayur

5.4 Waktu mandi dan menukar pakaian/ lampin

- Mandi dan tukar baju seorang demi seorang
- Pakaian kotor terus masuk dalam beg plastik
- Lampin terpakai, buang segera dan tong sampah tertutup

5.5 Waktu tidur/ rehat

- Kanak-kanak tidur secara individu (katil, tempat tidur, tilam, bantal yang berasingan dan dilabelkan nama masing-masing)
- Penjarakan 1-meter perlu diamalkan
- Pengasuh yang menjaga kanak-kanak sewaktu kanak-kanak tidur wajib memakai pelitup muka

PERINCIAN KANDUNGAN

6.0 PERATURAN SEMASA MENJEMPUT KANAK-KANAK DI TASKA

- **Semasa Menjemput Anak Di TASKA**
  - Aturkan jadual waktu menjemput anak
  - Laksana penjarakkan sosial - Ibu bapa hendaklah sampai pada waktu yang telah ditetapkan
  - Elakkan perbincangan berlaku semasa di TASKA
  - Ingatkan ibu bapa dan kanak-kanak mandi sebaik sampai di rumah sebelum berinteraksi dengan ahli keluarga lain

7.0 AMALAN PENCEGAHAN JANGKITAN

- Mesyuarat dan latihan kakitangan
- Tindakan perlu diambil jika bergejala
- Langkah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat warga TASKA disahkan positif Covid-19